

Garis Panduan Penyumbang Makalah untuk *Journal of Diplomacy and Foreign Relations (JDFR)*

SKOP

Journal of Diplomacy and Foreign Relations (JDFR) merupakan sebuah jurnal akses terbuka yang disenaraikan dalam *Excellence for Research Australia* (ERA). Jurnal ini komited bagi membangunkan pengetahuan ilmiah dengan menggalakkan perbincangan dalam bidang kajian antarabangsa, hubungan luar, diplomasi, pengajian keselamatan dan strategik serta kajian pembangunan. Objektif utama JDFR adalah untuk memperkukuh kajian antarabangsa, dasar luar dan diplomasi sebagai sebuah perbincangan secara kreatif dan ilmiah dalam konteks Malaysia secara khususnya, dan dunia secara umumnya. Jurnal yang ditubuhkan pada tahun 1999 ini menerbitkan artikel ilmiah, artikel perspektif dan ulasan buku di mana kandungan dan pendekatannya menyasarkan para ahli akademik dan penggubal polisi secara meluas. Para pembacanya adalah terdiri daripada individu-individu dalam sektor kerajaan, perniagaan, akademia dan pendidikan sama ada di peringkat tempatan, serantau mahupun antarabangsa. JDFR diterbitkan oleh Lembaga Editorial dari Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri, Malaysia.

GAYA DAN FORMAT

Editor mempelawa penghantaran makalah mengenai subjek dalam bidang kajian antarabangsa, diplomasi, hubungan luar, pengajian keselamatan dan strategik serta kajian pembangunan. Panjang artikel perlulah:

- Artikel ilmiah : 4,000-7,500 perkataan, tidak termasuk nota hujung.
- Artikel perspektif : 2,000-4,000 perkataan.
- Ulasan buku : 1,500-2,000 perkataan, perlu disertakan bersama butiran penuh buku seperti ISBN dan jumlah bilangan halaman.

Semua serahan makalah perlulah dihantar dalam format Times New Roman, saiz 12, langkau dua dengan margin satu inci (margin kiri tidak diselaraskan [*unjustified*]) dan mematuhi format rujukan *The Chicago Manual*. Kaedah petikan yang dianjurkan adalah kaedah rujukan sains sosial berbanding kaedah rujukan kemanusiaan; justeru, rujukan pendek penulis-tarikh perlu dipaparkan dalam teks dan meminimumkan keperluan nota kaki. Butiran penuh bibliografi dalam kaedah rujukan sains sosial perlu disertakan pada penghujung artikel.

Semua artikel perlu disertakan bersama abstrak sebanyak 150-250 perkataan yang menjelaskan isi utamanya serta diikuti dengan lima kata kunci (dipisahkan oleh koma) yang menjelaskan tentang kandungan manuskrip untuk sistem retrieval (*retrieval system*). Penulis artikel yang dipilih untuk penerbitan perlulah menyertakan satu perenggan pendek profil diri masing-masing.

Semua ilustrasi termasuklah angka, carta, graf, peta dan gambar mesti dilabelkan dan diletakkan pada halaman-halaman berasingan daripada teks. Tanggungjawab untuk mendapatkan kebenaran daripada pemegang hak cipta bagi penerbitan semula bahan-bahan visual dalam JDFR adalah tertakluk kepada penulis. Bahan-bahan visual hendaklah dilukis dengan dakwat kekal atau diambil gambar dalam warna hitam

dan putih serta dihasilkan semula dalam bentuk cetakan berkilat kontras tinggi atau gambar-gambar digital serta disediakan dalam format yang sesuai untuk penerbitan.

Para penulis diminta untuk menyediakan semua perincian yang diperlukan oleh lembaga pembiayaan dan badan pemberian geran seperti berikut:

Tulisan ini mendapat sokongan daripada [Agensi Pendanaan] di bawah Geran [nombor xxxx].

Para penulis juga perlu menyertakan kenyataan perakuan untuk mengisytiharkan sebarang kepentingan kewangan atau bukan kewangan yang telah timbul daripada permohonan langsung bagi penyelidikan anda. Sekiranya tiada konflik kepentingan yang relevan untuk diisytiharkan, para penulis perlu menyatakan bahawa:

Penulis melaporkan bahawa tiada konflik kepentingan untuk diisytiharkan.

PROSEDUR SERAHAN ARTIKEL

Manuskrip perlu diserahkan dalam bentuk salinan maya (*soft copy*). JDFR tidak menerima manuskrip yang telah diterbitkan atau sedang dipertimbangkan untuk mana-mana penerbitan lain. Manuskrip perlulah disunting berdasarkan ketepatan, keteraturan, kejelasan, kesepaduan dan konsistensi. Salinan manuskrip akan dihantar kepada penulis untuk mendapatkan kebenaran sebelum pruf akhir dijalankan yang mengandungi sebarang pindaan akhir sebelum dihantar kepada pihak penerbit. Suntingan lanjutan selepas proses pruf akhir adalah sangat tidak digalakkan.

Semua serahan makalah perlu diemelkan kepada: psedidfr@idfr.gov.my